

# Baja mampu tingkat hasil pertanian

PENGGUNAAN baja dalam pertanian amat penting bagi memastikan tumbesaran dan tanaman tersebut mengeluarkan hasil yang banyak serta kualiti terbaik.

**Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Profesor Abdul Shukor Juraimi**

berkata, setiap benda hidup perlukan makanan dan begitu juga tumbuhan. Justeru, baja wajib



**ABDUL SHUKOR**

digunakan dalam pertanian kerana tanaman yang tidak dibaja biasanya kurus, kecil, terbantut dan hasil juga kurang.

Tambahan pula katanya, jenis tanah di negara ini tidak begitu subur berbanding negara jiran, Indonesia yang mempunyai jajaran gunung berapi yang membantu mengekalkan dan menyuburkan tanah sehingga beratus-ratus tahun.

“Penggunaan baja juga bergantung kepada nutrium di dalam tanah. Baja biasanya mempunyai tiga kandungan utama iaitu nitrogen, forforus dan kalium atau dikenali sebagai NPK.

“Para pengguna boleh menjadikan kandungan NPK ketika membeli baja sama ada untuk tumbesaran, daun atau buah. Justeru, pengguna boleh menggunakan baja import dan tempatan berdasarkan kandungan

NPK tersebut,” katanya ketika dihubungi K2.

Mengulas mengenai baja jenis semburan, beliau berkata, ia dikategorikan sebagai baja mikro dan ia sama penting dengan baja makro tetapi jumlah yang diperlukan tanaman tidak banyak.

“Ia mempercepatkan hasilnya dan jumlah baja yang digunakan juga lebih sedikit kerana penggunaan yang banyak boleh melecurkan daun,” katanya.